

21/08/2003

Umno Bahagian Rembau jadi tumpuan

PERHATIAN lebih banyak bertumpu terhadap soal siapa yang akan dilantik dalam jawatankuasa penaja Umno Bahagian Rembau, yang baru diwujudkan hasil persempadanan semula pilihan raya.

Sebelum ini, sebahagian kawasan Rembau terletak dalam bahagian Tampin, Seremban, Rasah dan Telok Kemang. Rembau kini mempunyai 51,546 pengundi berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya.

Negeri ini memperolehi tambahan satu kawasan Parlimen dan empat Dewan Undangan Negeri (DUN), menjadikan masing-masing berjumlah lapan Parlimen dan 36 kerusi DUN.

Pengisian jawatankuasa penaja ini perlu dilakukan selepas Majlis Tertinggi (MT) Umno membubarkan semua 165 jawatankuasa bahagian Umno dan penubuhan jawatankuasa penaja, termasuk di 25 bahagian baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan juga Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata bagi bahagian Rembau mengamalkan prinsip berunding untuk melantikan jawatankuasa penaja.

Menurutnya, antara perkiraan yang dilakukan dengan melantik pemimpin yang pernah memegang jawatan di bahagian lama dan kini dimasukkan ke dalam Rembau, manakala kekurangan akan dilantik dengan muka baru.

Beliau bagaimanapun tidak dapat mengumumkan nama mereka terbabit kerana ia di bawah bidang kuasa MT untuk membuat keputusan.

Hasil persempadanan baru ini, Parlimen Rembau mempunyai empat kerusi Dewan Undangan Negeri iaitu Paroi, Chembong, Rantau dan Kota.

Jika faktor anak tempatan di kawasan berkenaan diambil kira, maka banyak nama yang akan muncul, terutama bagi menjawat ketua penaja umno bahagian.

Datuk Mohamad Hassan, mungkin kekal menjadi ketua penaja Umno bahagian Rasah tetapi sebagai pengundi dia akan berada di Rembau. Ini menjadikan kemungkinan dia akan berpindah di bahagian Rembau sebagai ketua penaja yang baru.

Jika dia kekal di Rasah, beberapa calon lain turut diberi perhatian untuk mengisi kepemimpinan di Rembau.

Antara mereka yang masuk ke dalam Rembau adalah Naib Ketua Umno bahagian Tampin, Dr Awaludin Mohd Said, bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim dan seorang pemimpin muda juga Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Tampin, Khairy Datuk Jamaludin.

Dari kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang berada di Rembau ialah adik Mohamad, Abdul Ghani sebagai Adun Rantau juga Ketua Pemuda Umno negeri yang dianggap paling ke depan, selain Zaharudin Mohd Sharif (Adun Kota) dan Datuk Firdaus Muhammad Rom Harun (Chembong).

Bagi jawatan ketua penaja wanita pula, antara calonnya ialah Ketua Wanita Umno Tampin, Hasnah Peral atau satu-satu AJK bahagian Tampin dari kalangan wanita, Azinah Abdul Rahman.

Sesuai dengan janji Mohd Isa, tujuh bahagian Umno sedia ada dijangka tidak mengalami perubahan, termasuk Rasah.

Mohd Isa, kekal di Teluk Kemang, Datuk Seri Dr Rais Yatim (Jelebu), Datuk Shaziman Abu Mansor (Tampin), Datuk Lilah Yassin (Jempol), Datuk Ishak Ismail (Seremban) dan Datuk Ismail Lasim (Kuala Pilah).

Pengisian penaja sangat penting menjelang pilihan raya umum yang boleh diumumkan pada bila-bila masa. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara Oktober ini sudah menyerahkan soal ini kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pemilihan jawatankuasa penaja ini amat penting kerana ia menceraikan peluang mereka untuk menjadi calon Wakil Rakyat apabila Parlimen dibubarkan dan ini menyebabkan ramai tidak tidur lena.

Dalam pilihan raya umum lalu, Negeri Sembilan menyapu bersih semua kerusi Parlimen dan DUN. Dalam persempadanan baru ini, Rembau adalah antara kawasan paling selamat untuk dimenangi oleh parti pemerintah.